

Ibu bapa Felda tidak komited pastikan anak berjaya

Oleh **NOR SEDEK ISMAIL**

KLUANG 1 Okt. - Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein melahirkan kesal dengan sikap ibu bapa di Felda yang tidak komited memastikan anak-anak mereka memanfaatkan sepenuhnya skim baucar tuisyen (SBT) bagi meningkatkan pencapaian akademik.

Katanya, walaupun ada peningkatan sejak anak-anak peneroka menyertai SBT tetapi terlalu sedikit berbanding harapan yang diinginkan oleh kerajaan dalam memajukan pelajar-pelajar luar bandar.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Sembrong berkata, ibu bapa yang

terdiri daripada peneroka perlu sedar kerajaan membelanjakan hampir RM28 juta setahun untuk SBT tetapi setakat ini keputusannya amat menghampakan.

"Peranan ibu bapa adalah amat penting sekali untuk memastikan anak-anak mereka hadir ke kelas tuisyen kerana kerajaan boleh menyediakan guru, peruntukan dan tempat tetapi jika tidak datang skim itu gagal.

"Saya mahu skim itu dikaji semula dan satu laporan terperinci akan diserahkan kepada Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yang bertanggungjawab terus terhadap pembangunan Felda untuk mencari kaedah lebih berkesan," ujarinya.

Beliau menyuarakan kebimba-

ngan itu kepada pemberita semasa hadir pada majlis tadarus al-Quran, berbuka puasa dan penyampaian sumbangan anjuran UMNO Bahagian Sembrong dan Pusat Khidmat Ahli Parlimen Sembrong di Masjid Felda Ulu Belitong, dekat sini, semalam.

Majlis itu dijayakan dengan kerjasama Unit Seranta Felda Jabatan Perdana Menteri yang turut dihadiri Ahli Dewan Undangan Kahang, S. Ramis dan Pengurus Besar Felda Wilayah Segamat, Abidin A. Rahman.

Hishammuddin menegaskan, tanpa kerjasama dan sokongan pemimpin masyarakat serta ibu bapa, pendekatan kelas tuisyen untuk meningkatkan pencapaian akademik anak-anak peneroka

terus menemui kegagalan pada masa hadapan.

Kegagalan itu katanya, akan menyebabkan bilangan anak-anak peneroka tercicir terus meningkat dan terpinggir daripada kemajuan dan perancangan yang diatur untuk mereka.

Sementara itu beliau berkata, penglibatan biro pendidikan UMNO bahagian dan Felda akan dilibatkan lebih serius bagi menjayakan program majlis tadarus, berbuka puasa dan penyampaian sumbangan pada tahun depan.

Tambah beliau, nilai-nilai yang ditekankan dalam Islam Hadhari akan diterapkan kerana pendidikan merupakan elemen yang amat dititikberatkan oleh agama Islam.